

19/04/2001

UIAM lahir ramai profesional Islam

KAMPUS Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku pengasas universiti itu, kelmarin meletakkan universiti kemegahan negara itu setanding dengan universiti Islam terkemuka lain di dunia. Paling unik, pengajian di UIAM bermula kira-kira 18 tahun lalu tanpa bangunan sendiri. Disebabkan hasrat kerajaan mahu memastikan penubuhan UIAM menjadi kenyataan untuk berbakti kepada Islam, ia memulakan pengajian dengan menggunakan kampus sementara sehinggalah sebuah kampus indah tersergam, dapat dijelmakan.

UIAM bukan saja membuktikan kejayaannya mengeluarkan ribuan graduan dari pelbagai bidang agama, malah bidang profesional lain yang sememangnya dinanti-nantikan oleh negara Islam. Inilah fardu kifayah yang tidak terhingga nilainya kepada dunia Islam. Untuk maju, negara Islam perlu mempunyai sebilangan rakyat berilmu yang boleh menggerakkan negara mereka ke arah kebaikan. Walaupun, diakui ilmu berhubung hal akhirat begitu penting bagi setiap manusia, ilmu duniawi tidak boleh dipandang ringan kerana ia menjadi asas kepada kemajuan Islam. Sesebuah negara Islam bukan saja perlu terus bersaing dalam bidang ekonomi bagi mengelakkan mereka terus ditindas, tetapi juga perlu menghadapi arus kemajuan sains dan teknologi menerusi usaha negara bukan Islam. Oleh itu, UIAM menyediakan tapak untuk mereka belajar dan memperbaiki diri dengan harapan dapat mencetus idea atau menjadi pencipta teknologi.

Negara Islam tidak boleh lagi bergantung kepada negara lain untuk pelbagai usaha, termasuk pertahanan negara mereka. Jelas, negara Islam perlu mempunyai jurutera atau ahli sains yang mampu mencipta senjata, pesawat terbang, kapal selam dan sebagainya. Ini penting untuk memastikan negara Islam boleh menjadi kuat dan tidak selama-lamanya ditenggelami arus pemodenan ciptaan Barat. Tidak timbul soal pendidikan sekularisme sekiranya matlamatnya adalah untuk memajukan Islam. Sekiranya mereka tidak mempunyai senjata atau kekuatan teknologi moden untuk melawan atau bersaing, negara Islam akan hancur. Oleh itu, Islam perlu mempunyai pelbagai pakar dalam pelbagai bidang untuk menentukan ia dapat bersaing dengan negara maju. Umat Islam misalnya tidak boleh selama-lamanya bertempur menggunakan pedang dan lembing atau selama-lamanya menunggang unta di medan pertempuran sedangkan musuh mereka menggunakan senjata dan alat penggempur moden, malah senjata nuklear.

Tanpa kemampuan untuk melawan, bermakna mereka boleh melenyapkan negara Islam dalam sekelip mata. Begitu juga, umat Islam perlu mempunyai ramai doktor, jurutera, arkitek dan lain-lain pakar untuk menjamin pembangunan negara dan menyediakan perkhidmatan terbaik yang diperlukan rakyat. Ini dengan sendirinya boleh mengurangkan penggantungan negara Islam kepada Barat dan pakar asing. Inilah sebenarnya matlamat penubuhan UIAM bagi menampung keperluan umat Islam di dunia dan akhirat. Jika mendengar dan mengambil kira pandangan kolot sesetengah pihak, UIAM mungkin tidak wujud di negara ini. Mereka begitu kabur dengan matlamat penubuhan UIAM tanpa melihat persediaan yang perlu ada untuk umat Islam.

(END)